

01 FEB 2000

Mahathir-Umno

DR MAHATHIR INGATKAN UMNO TENTANG TREND PERPECAHAN SELEPAS PEMILIHAN

SEPANG, 1 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak berhasrat mengongkong pemilihan jawatan MT Mei ini tetapi mengingatkan Umno mempunyai pengalaman bila ada pertandingan, akan ada kecenderungan untuk parti itu berpecah.

Menurutnya, sesiapa sahaja yang menang hanya akan mendapat separuh daripada sokongan dan ini bermakna semakin lama semakin terhakis kekuatan Umno.

Beliau berkata yang kalah akan menarik diri atau berasa kecewa dan mungkin akan menyokong parti lain.

"Apa gunanya kita ada reformasi dalam Umno yang semakin lama semakin kecil dan tidak berkesan dalam politik negara," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL sekembalinya dari bercuti selama tiga minggu di luar negara.

Dr Mahathir berkata reformasi di dalam parti tidak membawa apa-apa makna kalau ia menghancurkan Umno sehingga menjadi beberapa parti serpihan dengan mempunyai pemimpin masing-masing seperti yang berlaku dahulu.

Katanya MT tidak boleh berbuat apa-apa kalau anggota parti mahu setiap kali ada pemilihan parti berpecah.

"Lagi sekali ada pemilihan yang baki itu juga berpecah. Lama-lama Umno tinggal besar itu sahaja," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata sekarang ramai anggota Umno yang berhasrat menjadi pemimpin lebih mengutamakan diri daripada kepentingan parti dan sebab itulah kalau kalah, mereka akan kecewa.

Beliau berkata, kalau sudah kecewa, mereka bertindak untuk mengalahkan Umno dan ini juga berlaku di peringkat bahagian sehingga dalam pilihan raya umum lepas, ramai anggota parti yang mengundi parti lawan.

"Tak mungkin parti lawan menang dengan undi anggota parti mereka sahaja jika tidak kerana orang Umno sendiri kerana kecewa itu dan ini, termasuk tidak dipilih menjadi calon.

Dr Mahathir berkata Umno telah memimpin negara sejak sekian lama dan parti itu mampu membangunkan lagi Malaysia dan memberi kedudukan yang sepatutnya kepada orang Melayu dan Bumiputera lain.

"Tetapi kalau sekarang itu sudah tidak penting, yang penting seseorang menjadi pemimpin Umno dan menjadi calon. Kalau yang penting jadi calon, kalahpun tak apa asalkan jadi calon, terpulanglah kalau itu yang dinamakan pembaharuan dalam Umno.

"Saya tak ada apa-apa, saya orang lama," kata beliau.

Katanya apa yang penting ialah anggota Umno kembali berpegang kepada prinsip perjuangan parti iaitu untuk mewakili orang Melayu dan Bumiputera lain dan bukan kepada siapa yang patut menjadi pemimpin.

Beliau berkata ada yang beranggapan bahawa kalau mereka tidak menjadi pemimpin, ini bermakna parti tidak akan berjaya.

"Kalau pemimpin yang dipilih itu tidak mempunyai kebolehan tapi dia mendapat kesetiaan daripada semua anggota parti, dia juga boleh berjaya," katanya.

Dr Mahathir berkata kalau semua anggota mengikut perlembagan parti, tidak akan ada masalah kerana semua orang menerima sama ada kalah atau menang dalam pertandingan.

"Tapi orang tak patuh kepada perlembagaan semata-mata kerana ada perlembagaan sahaja...tetapi ini bila bertanding, bila kalah kecewa, keluar

parti dan buat parti lain," katanya.

Beliau berkata bangsa Melayu belum lagi selamat kalau anggota Umno lebih mengutamakan diri sendiri melebihi bangsa, negara dan juga parti.

"Pencapaian kita selama ini bukan sahaja akan terhenti setakat ini, tetapi akan hancur semula kerana jangan fikir kita cukup kuat dan kita boleh buat apa sahaja sekarang ini, kerana kita dah pandai, kita ada ijazah, politik tak perlu lagi, parti tak perlu lagi, kita boleh pertahankan diri kita," katanya.

Dr Mahathir berkata sememangnya pertandingan membawa kesan kepada parti sebagaimana yang terjadi pada 1987 dengan pembentukan Parti Melayu Semangat 46.

Menjawab pertanyaan mengenai kemungkinan pertandingan untuk merebut jawatan dalam parti dibuat secara berpasukan, beliau berkata biarlah MT membincang dan memutuskan perkara itu.

"Saya tak perlu beri pendapat saya kerana ia mungkin mempengaruhi pendapat orang lain," katanya.

-- BERNAMA

MAM AR AKD